

UCAPAN PERASMIAN

YB ENCIK TEH KOK LIM

**PENGERUSI JAWATANKUASA SAINS, ALAM SEKITAR DAN
TEKNOLOGI HIJAU KERAJAAN NEGERI PERAK**

**SEMPENA
MAJLIS PENUTUP SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR
NEGARA (HASN) 2022 PERINGKAT NEGERI PERAK**

**PADA
22 DISEMBER 2022 (KHAMIS)**

**MASA
3.15 PETANG**

**DI
DEWAN SAIDINA ABU BAKAR
INTIM, IPOH**

Yang Berhormat Encik Mohd Akmal bin Kamaruddin,
Ahli Dewan Undangan Negeri Selama

Yang Berbahagia Dato' Rumaizi Bin Bahrin @ Md Daud,
Datuk Bandar Ipoh

Yang Berusaha Tuan Haji Rosli Bin Zul, Pengarah Jabatan Alam
Sekitar Negeri Perak

Yang Berusaha Tuan Syamsul Hazeman Bin Md. Salleh,
Yang DiPertua Majlis Perbandaran Manjung

Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri;

Pegawai-pegawai Kanan dari Agensi-agensi Kerajaan Persekutuan
dan Negeri;

Rakan-Rakan Strategik Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak

Rakan-Rakan media;

Seterusnya Dato-Dato / Tuan-Puan hadirin yang dihormati sekalian.

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Tuan Haji Rosli bin Zul di atas jemputan untuk bersama-sama hadir di **Majlis Penutup Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Tahun 2022 Peringkat Negeri Perak** pada petang ini. Semoga majlis kita ini berjalan lancar dan mencapai matlamat penganjurannya.

Sukacita juga, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi tahniah kepada barisan Ahli Jawatankuasa Penganjur Majlis Perasmian sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2022 Peringkat negeri Perak yang diketuai oleh Dato' Rumaizi Bin Bahrin @ Md Daud, Datuk Bandar Ipoh dan Tuan Haji Rosli Bin Zul, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Perak merangkap Pengerusi Bersama bagi Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2022 Peringkat Negeri Perak kerana dengan jayanya telah melaksanakan penganjuran Majlis Perasmian sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2022 peringkat Negeri Perak pada 29 Oktober 2022 di AEON Falim. Walaupun pada ketika itu, saya difahamkan terdapat bermacam-macam halangan dan kekangan kerana pembubaran Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) perak.

Tidak lupa juga saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan strategik Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak seperti yang dinyatakan oleh Tuan Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak iaitu syarikat-syarikat yang terdiri daripada pihak GLC Kerajaan Negeri dan pihak swasta kerana telah memberi sokongan dan kerjasama yang erat sama ada dalam bentuk sumbangan kewangan dan tenaga bagi memastikan kejayaan pelaksanaan program-program sempena sambutan Hari Alam Sekitar Negara peringkat Negeri Perak sepanjang tahun 2022.

Dato-Dato, Tuan-Puan dan para Hadirin yang dihormati sekalian;

Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Sains, Alam Sekitar Dan Teknologi Hijau kerajaan negeri Perak, saya diberi tugas dan peranan besar bagi merealisasikan hasrat kerajaan negeri untuk menjadikan negeri Perak Darul Ridzuan sebagai sebuah negeri yang Bersih, Hijau dan mencapai standard kualiti persekitaran yang terbaik. Kerajaan Negeri juga menetapkan salah satu inisiatif baharu di dalam Pelan Perak Sejahtera 2030, adalah supaya usaha penjagaan denai-denai yang mengalir ke Sungai Perak merupakan salah satu daripada mekanisme kawalan pencemaran sungai dan risiko banjir.

Sebagai mewakili kerajaan negeri yang baru diberikan amanah oleh rakyat, pihak kerajaan sentiasa komited untuk memastikan bahawa khazanah alam di negeri Perak yang tercinta ini akan sentiasa terjaga dan dipelihara untuk generasi kini dan akan datang.

Sehubungan itu, kerajaan negeri yang baru ini beriltizam untuk meneruskan mempromosi agenda "Perak bumi lestari". Agenda ini diharap dapat mampu menggerakkan pembangunan negeri secara lestari.

Strategi bagi melaksanakan agenda Perak Bumi Lestari saya gariskan seperti berikut:-

- ***Membudayakan Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar -***
Antara usaha yang perlu diberi tumpuan di bawah strategi ini adalah meningkatkan pendidikan dan kesedaran awam terhadap alam sekitar; melaksanakan tindakan segera dan proaktif bagi menangani isu dan masalah berkaitan alam sekitar serta memperkukuh peranan sektor swasta dalam pengurusan alam sekitar. Amalan menghindari plastik sekali guna atau single use plastic misalnya perlu diterapkan di

jabatan masing-masing sebagai sebahagian daripada proses pembudayaan.

- ***Membina Persekitaran Kondusif Berlandaskan Teknologi Hijau*** - Kerajaan negeri mengalu-alukan kerjasama dengan pihak swasta melalui Public Private Partnership (PPP) bagi melaksanakan inisiatif-inisiatif teknologi hijau bagi menyokong pembinaan persekitaran kondusif. Contoh-contoh projek berasaskan sumber tenaga boleh diperbaharui (renewable energy) adalah seperti tenaga solar, hidro, geoterma dan sebagainya. Para pelabur berkaitan industri teknologi hijau akan berminat untuk melabur jika kita menyediakan insentif atau pakej yang menarik untuk mereka.
- ***Memastikan Pembangunan Seimbang*** - Kerajaan Negeri Perak komited untuk merangka strategi pembangunan yang seimbang, yakni menjaga dan memelihara alam semula jadi di samping melaksanakan pembangunan.

Antara fokus di bawah strategi ini adalah mengharmonikan dan mengintegrasikan dimensi alam sekitar dalam dasar semua sektor; serta memantapkan penguatkuasaan berkaitan isu-isu alam sekitar.

Bagi memperkasa dan memperkukuhkan lagi usaha memelihara alam sekitar di negeri Perak ini, kerajaan negeri menerusi Jabatan Alam Sekitar telah merangka dan akan memperkenalkan beberapa dasar yang akan dilaksanakan secara berperingkat pada masa hadapan. Dasar-dasar tersebut adalah :-

1. Dasar Penggunaan Bahan Bakar Mesra Alam di kalangan sektor industri.

Seperti yang kita maklum bahawa di negeri Perak ni satu projek jajaran saluran paip gas oleh Gas Malaysia Berhad dari Sitiawan ke Ipoh telah dilaksanakan. Projek ini bukan sahaja boleh meningkatkan lagi kegiatan

ekonomi di kawasan sekitarnya menerusi penyediaan bahan bakar yang lebih murah, malah ia juga adalah mesra alam. Adalah diharapkan lebih banyak pemain industri sedia ada menukar penggunaan bahan bakar konvensional kepada gas asli ini. Begitu juga dengan industri baru yang akan membuka operasi supaya menggunakan gas asli.

2. Dasar Ke Arah Kitar Semula Air Effluen / Buangan Dari Industri Sarung Tangan Getah

Kita sedia maklum bahawa, berikutan pandemik covid 19 ini, industri perubatan dan berkaitan telah berkembang dengan pesat sekali. Antaranya ialah industri sarung tangan getah. Sebagai salah satu pengeluar sarung tangan getah terbesar di dunia, Malaysia telah menyaksikan peningkatan pengeluaran sarung tangan getah berikutan permintaan dunia yang meningkat begitu tinggi sekali. Perak juga telah menerima beberapa pelabur yang membuka operasi kilang sarung tangan getah. Industri ini seperti yang sedia maklum banyak menggunakan air terawat dan menghasilkan banyak air buangan. Oleh itu bagi mengurangkan kadar penggunaan air dan sekaligus mengurangkan air buangan, industri baru disarankan untuk mengitar semula air buangan ini ke tahap maksima.

Bagi pihak kerajaan negeri yang baru, ini merupakan suatu tanggungjawab yang besar dan komitmen yang tinggi perlu diletakkan bagi menjaga kelestarian alam sekitar dalam semua bentuk pelaksanaan projek dan aktiviti pembangunan dikekalkan dan menghindari sebarang bentuk pencemaran yang berlaku akibatnya yang boleh menjejaskan kesihatan dan keselamatan rakyat negeri Perak yang tercinta ini. Disamping itu usaha-usaha kesedaran alam sekitar perlu terus dipergiatkan untuk menggalakkan masyarakat setempat supaya

lebih bertanggungjawab terhadap kebersihan persekitaran dan kelestarian alam sekitar. Dalam usaha-usaha ini, masyarakat perlu dididik untuk berubah ke arah kehidupan yang membudayakan kebersihan dan penjagaan alam sekitar serta memupuk semangat sayangkan khazanah keindahan bumi ini. Ianya tidak hanya memadai dengan penyediaan perkhidmatan, infrastruktur dan kemudahan awam oleh pihak kerajaan kepada masyarakat umum dengan mengabaikan tanggungjawab yang harus juga dimainkan oleh masyarakat itu sendiri dalam memastikan kelestarian itu terus dipertahankan.

Begitu juga jalinan kerjasama dengan Pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, persatuan-persatuan penduduk, rumah-rumah ibadat akan akan dipertingkatkan supaya mesej berkenaan kepentingan memelihara alam sekitar dapat disampaikan dengan lebih berkesan lagi.

Justeru bersempena Majlis Penutup sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2022 Peringkat Negeri Perak yang dianjurkan pada petang ini, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada JAS Perak, MBI dan semua pihak yang telah terlibat samada secara langsung atau tidak langsung kerana telah mengorak langkah bersama-sama dalam menjayakan pelaksanaan program-program kesedaran alam sekitar sepanjang tahun 2022 ini untuk mengajak segenap lapisan masyarakat di negeri Perak ini untuk sama-sama mempertahankan agar khazanah bumi ini tetap terpelihara dari sebarang ancaman pencemaran dan kerosakan ekosistemnya.

Hadirin yang dihormati sekalian;

Oleh itu, marilah kita bersama-sama berusaha dan berganding bahu untuk menjadikan Negeri Perak Darul Ridzuan sebagai negeri yang paling lestari dalam mengekalkan dan memelihara khazanah alam sekitar di Malaysia dan semoga majlis penutup sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2022 sebagai pemangkin untuk mengorak langkah yang lebih bersemangat dalam usaha pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar pada tahun hadapan.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya berharap program-program yang akan dirancang sempena sambutan Hari Alam Sekitar Negara peringkat negeri Perak pada tahun 2023 berjalan lancar seperti yang diharapkan dan seterusnya mendatangkan kesan yang mendalam kepada jiwa kita semua bagi sama-sama menghargai anugerah khazanah alam yang tidak ternilai ini.

Sekian dan terima kasih.